

# **PENTAKSIRAN KAEDAH “ IN OUT COUNT” DALAM MENINGKATKAN PENGUASAAN PELAJAR DALAM TAJUK INVENTORI BAGI MATA PELAJARAN PERAKAUNAN SEMESTER I .**

Salbiyah bt Ibrahim  
Rahizawati bt Abd Rahim  
Suzana bt Sulaiman  
Teh Seng Wee

Unit Perakaunan, Kolej Matrikulasi Pulau Pinang

[salbiyah5454@gmail.com](mailto:salbiyah5454@gmail.com)

## **ABSTRAK**

*Objektif utama kajian ini adalah untuk meneroka amalan pentaksiran “In Out Count” dalam pengajaran dan pembelajaran (pdp) di dalam tajuk Inventori dan kesannya terhadap kefahaman pelajar berbanding kaedah konvensional. Kajian ini menggunakan pendekatan formatif dengan penilaian dibuat secara berterusan. Peserta kajian adalah seorang guru subjek Perakaunan dan satu kumpulan praktikum iaitu A2P05 yang terdiri daripada 16 orang pelajar Kolej Matrikulasi Pulau Pinang. Data dikumpulkan melalui pemerhatian di dalam bilik darjah, temubual dan analisis dokumen. Dapatan kajian mendapati bahawa penggunaan kaedah ‘In Out Count’ ini telah berjaya membantu pelajar untuk lebih memahami dan menguasai tajuk inventori dan seterusnya berjaya meningkatkan pencapaian mereka. Pelajar-pelajar juga dapat menyelesaikan masalah soalan-soalan inventori dalam tempoh masa yang lebih singkat berbanding sebelumnya kerana mereka mahir dan seronok menggunakan kaedah ‘In Out Count’ ini. Selain itu, kaedah ini amat praktikal dan mudah untuk digunakan oleh pelajar yang seterusnya dapat membantu merubah sikap pelajar dan memotivasikan pelajar untuk meminati tajuk inventori secara khususnya dan subjek Perakaunan secara umumnya*

**Kata Kunci:** Pengajaran dan Pembelajaran, Inventori, Perakaunan